

# **KERTAS PEKELILING KEPADA AHLI BERKENAAN RESOLUSI 4 (a)**

## **CADANGAN PERUNTUKAN 12% DARIPADA AIN WAKAF AWQAF HOLDINGS BERHAD SEBAGAI KOS PENGURUSAN HARTA WAKAF**

---

### **1.0 PENDAHULUAN**

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Berhad (“AWQAF”) BIL 2/2020 pada 13 Ogos 2020 telah mencadangkan bahawa 12% daripada ain wakaf yang dikutip daripada pewakaf diperuntukkan untuk menampung kos pengurusan AWQAF.

AWQAF telah ditubuhkan pada tahun 2012 bagi tujuan mengurus, melaburkan dan mengembangkan dana wakaf yang dikumpulkan daripada ahli-ahlinya tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan di dalam Memorandum dan Artikel Syarikat.

Sejak ia ditubuhkan, AWQAF telah beroperasi mengikut ketetapan peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam pengurusan harta wakaf yang diamanahkan oleh ahli-ahli AWQAF kepada Ahli Lembaga Pengarah AWQAF.

Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik bertanggungjawab memastikan dana wakaf yang telah diamanahkan, diuruskan mengikut tadbir urus yang terbaik mengikut undang-undang Malaysia dan berpandukan Syari’at Islam.

**Kertas ini disediakan untuk memberi penerangan dan informasi, serta mendapatkan persetujuan Ahli AWQAF berkenaan Cadangan Peruntukan 12% daripada ain wakaf untuk kos pengurusan harta wakaf oleh AWQAF.**

## 2.0 PENGURUSAN DANA WAKAF DI AWQAF HOLDINGS BERHAD

Pengurusan harta wakaf oleh AWQAF dalam mengumpulkan, melaburkan dan mengembang harta wakaf melibatkan kos-kos pengurusan yang perlu ditanggung oleh syarikat seperti gaji pekerja pengurusan, promosi, kos penyelenggaraan dan kos-kos lain yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf.

Menurut pandangan Khatib As-Sharbini, segala kos pengurusan wakaf boleh ditanggung daripada samada oleh pewakaf sendiri, atau dari harta wakaf tersebut ataupun dari hasil keuntungannya.

نفقة الموقوف و مؤن تجهيزه من حيث شرطها الواقف من ماله أو من مال الوقف وإل فمن منافع الموقوف

*“Kos penyelenggaraan harta wakaf boleh ditanggung seperti mana disyaratkan oleh pewakaf samada daripada harta pewakaf sendiri, atau diambil dari harta wakaf atau diambil dari keuntungan harta wakaf tersebut”<sup>1</sup>*

Berdasarkan pandangan di atas, pewakaf boleh ditentukan dari awal dari mana kos pengurusan harta wakaf perlu diambil daripada tiga sumber itu. Syarat ini wajib dipatuhi seperti yang disimpulkan dalam kaedah fiqh:

شرط الواقف كنص الشارع

*“Syarat pewakaf adalah umpama nas dari Tuhan”<sup>2</sup>*

Namun demikian, jika berlaku deficit (kekurangan untung) untuk menampung kos pengurusan wakaf, kos tersebut juga boleh diambil daripada ain wakaf dengan syarat di persetujui oleh Wakif. Modal Wakaf Korporat (modal asas) akibat deficit ini

---

<sup>1</sup> Ash-Sharbini, Muhammad Ibn Ahmad Al-Khatib, (1994) Mughni Al-Muhtaj, Beirut, Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, j. 4, h. 137

<sup>2</sup> Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Ibrahim Ibn Muhammad, (1999) Al-Asybah Wa An-Nazair, Beirut, Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 163.

akan dikembalikan ketika pelaburan dan perniagaan membuat keuntungan di masa depan.

### **3.0 CADANGAN PERUNTUKAN 12% AIN WAKAF UNTUK KOS PENGURUSAN HARTA WAKAF**

Dalam sumber perundangan dan garis panduan Syariah yang terdapat di Malaysia, tiada panduan khusus berkenaan berapakah jumlah bahagian kos pengurusan harta wakaf. Oleh yang demikian, pandangan ini berpandukan kepada bahagian upah amil zakat dalam pengurusan harta zakat yang telah disyariatkan.

Dalam konteks pengurusan harta zakat; satu per lapan atau 12.5% daripada kutipan zakat adalah bahagian untuk upah amil zakat. Bahagian upah amil zakat ini digunakan bagi menampung kos-kos pengurusan (termasuk kos promosi, jenama dan operasi) harta zakat samada dari aspek kutipan, agihan dan lain-lain.

Mengambil kira bahagian satu per lapan atau 12.5% bahagian upah amil zakat, Ahli Lembaga Pengarah AWQAF mengambil keputusan untuk mencadangkan maksimum 12% daripada kutipan wakaf diperuntukkan bagi kos pengurusan harta wakaf di AWQAF Holdings Berhad.

### **4.0 IMPAK DARIPADA KELULUSAN CADANGAN**

Sekiranya cadangan ini diluluskan, kutipan wakaf bermula 1 Januari 2021 akan memperuntukkan 12% daripada ain wakaf sebagai kos pengurusan harta wakaf secara serta merta.

### **5.0 KELULUSAN AHLI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

Cadangan ini memerlukan persetujuan Ahli AWQAF pada Mesyuarat Agung Tahunan 2021 di mana satu resolusi perlu diluluskan agar kutipan wakaf bermula 1

Januari 2021 akan memperuntukkan 12% daripada ain wakaf sebagai kos pengurusan harta wakaf, dan peruntukan ini akan berkuatkuasa secara serta merta.